

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NASIONAL

3 sekolah ditutup, laksana sesi PdPR

Menteri Besar gesa tubuhkan jawatankuasa khas, kenakan tindakan tegas

Oleh Izz Laily Hussein
dan Mary Victoria Dass
zhnews@bh.com.my

Johor Bahru: Tiga sekolah di kawasan Kampung Maju Jaya di Jalan Seelong-Senai di sini ditutup dan melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) susulan pencemaran bau kelmarin.

Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan dan Penerangan negeri, Aznan Tamin, berkata ia membabitkan Sekolah Kebangsaan (SK) Kampung Maju Jaya dan dua sekolah swasta, Sekolah Rendah Islam Hidayah (SRIH) dan Sekolah Menengah Islam Hidayah (SMIH).

SK Kampung Maju Jaya membabitkan 974 murid dan 64 guru, SRIH dengan 1,232 murid dan 92 guru, manakala SMIH mempu-

nyai 807 pelajar dan 75 guru. Tempoh PdPR tertakluk keadaan dan laporan semasa.

Sementara itu, Menteri Besar, Datuk Onn Hafiz Ghazi menerusi hantaran di Instagram, memaklumkan hasil siasatan di sungai terjejas di bandar raya ini mendapati bahan kimia yang dikesan berpotensi membahayakan kesihatan awam.

Katanya, Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan bomba menerusi Pasukan Khas Bahan Kimia Berbahaya (HAZMAT) melakukan siasatan bagi mengenal pasti sisa bahan kimia dalam sampel air tercemar, sekali gus membendung pencemaran terus merebak.

"Komponen beracun dalam bahan kimia mencemari udara dan mencetuskan bau sangat kuat serta tidak menyenangkan," katanya menggesa polis dan agensi



Unit Alam Sekitar Majlis Bandaraya Iskandar Puteri mengambil sampel air Sungai Tebrau susulan pencemaran bau di Kampung Maju Jaya, Johor Bahru, semalam. (Foto Nur Aisyah Mazalan/BH)

berkaitan menubuhkan jawatankuasa khas bagi menangani isu pencemaran sebaik mungkin.

"Ya supaya tindakan tegas dapat diambil terhadap pihak tidak bertanggungjawab ini. Saya harap isu ini tidak berulang dan memohon pengusaha perindustrian serta orang ramai dapat bersama-sama menjaga kebersihan dan kualiti persekitaran kita.

"Semua ini penting bagi memastikan kesejahteraan bersama, melindungi kesihatan awam dan memelihara alam sekitar kita untuk generasi akan datang," katanya yang turut turun padang meninjau anak Sungai Tebrau di Kampung Maju Jaya.

Dalam perkembangan berka-

it, penduduk terjejas bersyukur anak dibenarkan untuk mengikuti sesi PdPR, namun masih terganggu dengan bau kurang menyenangkan apabila angin bertiup ke arah kawasan perkampungan.

Pencemaran bau berkurang

Penduduk, Isnawiya Punawi, 33, berkata walaupun tahap pencemaran bau semalam kurang berbanding kelmarin, ia belum pulih sepenuhnya.

"Hujan lebat awal pagi tadi (semalam), namun hanya memulihkan sebahagian pencemaran bau. Semalam (kelmarin) bau memasuki rumah apabila angin bertiup hingga menjejaskan keselesaan anak mengikuti PDP.

"Kami harap masalah ini dapat selesai segera kerana ia boleh memudaratkan kesihatan dan menjejaskan prestasi akademik murid. Kebanyakan ibu bapa juga terpaksa bercuti daripada kerja untuk menemani anak di rumah," katanya.

Sementara itu, Ketua Kampung Maju Jaya merangkap Yang Dipertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), Roslan Hassan, berkata sesi persekolahan dijangka bersambung semula seperti biasa hari ini, bergantung keadaan.

"Buat masa ini keadaan terkawal, pencemaran bau berkurang berbanding semalam (kelmarin), namun hari ini (semalam), murid mengikuti pelajaran secara PDP," katanya.

139 kes gejala ringan, 3 dirawat akibat pencemaran

Sungai Buloh: Insiden pencemaran bau di sekitar bandar raya Johor Bahru di Johor sejak kelmarin menyebabkan 139 kes gejala ringan direkodkan, manakala tiga individu dirawat di fasiliti kesihatan.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata seorang wanita diletakkan di bawah pemantauan Kementerian Kesihatan (KKM) selepas mengambil kira keadaannya yang sedang mengandung.

"Bagaimanapun, semua individu terjejas dibenarkan pulang ke kediaman masing-masing," katanya pada sidang media selepas merasmikan Sambutan Ulang Tahun Ke-20 Institut Latihan KKM Sungai Buloh, di sini semalam.

Kelmarin, media melaporkan tiga sekolah di Skudai, masing-masing Sekolah Kebangsaan (SK) Kampung Maju Jaya dan dua sekolah swasta diarah tutup selepas terdedah pencemaran bau bahan kimia.

Arahan itu dikeluarkan selepas 21 murid SK Kampung Maju Jaya mengalami loya, sesak nafas dan pening akibat terdedah kepada pencemaran bau berkenaan. Berikut itu, proses pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) dilaksanakan.

Dr Dzulkefly berkata, KKM sedia bekerjasama dengan Jabatan Alam Sekitar (JAS) bagi menangani insiden pencemaran selaras pendekatan bersama dalam kerajaan untuk membantu mangsa terjejas.

Terdahulu 3 September lalu, pencemaran bau dilaporkan di beberapa kawasan perumahan sekitar Sungai Pandan, menjejaskan penduduk sekitar Kampung Melayu Pandan, Mount Austin, Taman Daya dan Taman Istimewa.

JAS Johor mengesan kehadiran gas ammonia pada paras tinggi melebihi tahap normal sekitar kawasan Sungai Pandan di Kampung Melayu Pandan.

Pencemaran bau kemudian dilaporkan di kawasan Taman Perindustrian Tropika, Ulu Tiram.

Sisa kimia yang dikesan di buang di kawasan berkenaan sama dengan di kawasan perindustrian Tiong Nam yang menyebabkan pencemaran bau di Kampung Melayu Pandan.

Isu tuntutan palsu PERKESO

Dalam perkembangan lain, Dr Dzulkefly ketika ditanya isu pemalsuan tuntutan hilang upaya Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), menegaskan KKM tidak bertoleransi dengan mana-mana doktor terbabit dalam kegiatan berkenaan.

Beliau juga menyerahkannya kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk menjalankan siasatan.

"Kes ini sudah jadi siasatan SPRM, bukan lagi bidang kuasa KKM (ambil tindakan lanjut ke atas doktor)," katanya mengingatkan warga KKM bahawa beliau dan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak bertoleransi dalam isu salah guna kuasa.

Mengenai isu buli, Ahli Parlimen Kuala Selangor itu berkata, siasatan terperinci dalam kalangan doktor di fasiliti kesihatan kerajaan, terutama di Sabah sedang dilakukan.

Tanpa memperinci status perkhidmatan doktor dibuli dan pembuli dalam insiden dikatakan berlaku di hospital kerajaan di Sabah itu, beliau memaklumkan: "Sebarang keputusan lanjut diumumkan dalam tempoh terdekat selepas mesyuarat Kabinet".

Tambahnya, KKM akan meneruskan siasatan lebih terperinci dan keperluan menubuhkan jawatankuasa khas bagi menangani kes buli dalam kalangan doktor hanya akan diputuskan selepas mesyuarat Jemaah Menteri nanti.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : NASIONAL

Tiada toleransi gejala buli babit pengamal perubatan

Doktor dakwa kena buli, dicaci



Keratan
akbar BH
Rabu lalu.

KKM minta kakitangan lapor insiden, jamin maklumat pengadu dirahsia

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my

Sungai Buloh: Kementerian Kesihatan (KKM) mengamalkan dasar sifar toleransi terhadap sebarang gejala buli dalam kalangan pengamal perubatan, terutama membabitkan doktor.

Dalam nada tegas, Menteri,

Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, juga mahu mana-mana kakitangan KKM yang pernah mengalami atau tahu mengenai kejadian buli dalam kalangan warga kementerian itu untuk melaporkan insiden terbabit.

Ahli Parlimen Kuala Selangor itu berkata, KKM memiliki kemudahan pelaporan bagi sebarang kejadian buli dengan aduan boleh disalurkan menerusi Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA).

Beliau turut memberi jaminan maklumat peribadi mangsa mahupun 'whistle-blower' atau pemberi maklumat bagi sebarang insiden buli dalam kalangan warga KKM akan sentiasa terjamin dan tidak didedahkan kepada umum.

"Saya sangat tidak boleh toleransi hal buli dan mungkin ada

yang masih ingat ketika penggal pertama saya dilantik sebagai menteri kesihatan, sebelum ini.

"Ketika itu, saya mengambil tindakan sangat tegas dan memecat seorang ketua jabatan selepas melakukan siasatan dalam dan penubuhan jawatankuasa bebas.

"Saya memang tidak akan bertoleransi dengan gejala buli. Apa-apa pun kes buli, sama ada di Sabah atau dalam kalangan doktor di negara ini, masih dalam pemerhatian KKM.

"Saya mahu individu yang mengalami buli dalam apa-apa bentuk sekali pun sepanjang kerjaya mereka, tolonglah laporkan," katanya di sini, semalam.

Terdahulu, beliau merasmikan pelancaran imej korporat serta alumni Institut Latihan KKM

(ILKKM) sempena sambutan Ulang Tahun Ke-20 ILKKM Sungai Buloh dekat sini.

BH minggu lalu, melaporkan beberapa doktor di hospital kerajaan di Sabah mengalami gejala buli secara lisan dan fizikal apabila dihambur perkataan kasar, lucah serta penghinaan kaum dan ada diancam senjata tajam jika tidak mematuhi arahan ketua unit.

Mereka sering dimalukan di depan pesakit apabila kemahiran profesional petugas kesihatan terbabit diperlekeh secara terbuka oleh doktor pakar.

Pembuli pula bagaikan mempunyai kekebalan apabila tiada tindakan tegas diambil ke atas mereka, selepas aduan kepada pihak atasan, bahkan ketua jabatan memberi amaran akan me-

nukarkan doktor yang mengadu, dibuli ke unit lain.

Kes disiasat terperinci

Sementara itu, Dr Dzulkefly ketika mengulas buli dalam kalangan doktor di Sabah berkata, pihaknya akan menjalankan siasatan lebih terperinci, selain memaklumkan keperluan menubuhkan jawatankuasa bebas akan diputuskan kelak.

Beliau tidak memperinci status perkhidmatan membabitkan doktor yang dibuli serta pembuli, dikatakan berlaku di hospital kerajaan di Sabah.

"Kita akan teruskan dengan siasatan lebih terperinci dan keperluan menubuhkan jawatankuasa bebas akan dibuat segera pada mesyuarat pasca mesyuarat Kabinet minggu depan," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : LOKAL

KKM pantau mangsa wanita hamil terjejas

Sungai Buloh: Sebanyak 139 kes gejala ringan, manakala tiga individu dirawat di fasiliti kesihatan susulan insiden pencemaran bau di sekitar bandar raya Johor Bahru.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata seorang lagi wanita diletakkan di bawah pemantauan Kementerian Kesihatan (KKM) selepas mengambil kira keadaannya yang mengandungi.

"Bagaimanapun, semua individu terjejas dibenarkan pulang ke kediaman masing-masing," katanya pada sidang media selepas merasmikan Sambutan Ulang Tahun Ke-20 Institut Latihan KKM Sungai Buloh di sini, semalam.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 18
RUANGAN : LOKAL



+

18 www.hmetro.com.my [@hmetromy](https://twitter.com/hmetromy) [HarianMetro](https://facebook.com/HarianMetro) [@hmetromy](https://instagram.com/hmetromy)

18
lokal

BENDUNG PENULARAN MPOX

KKM tidak bercadang laksana PKP

Sungai Buloh: Kementerian Kesihatan (KKM) tidak bercadang melaksanakan sebarang sekatan termasuk Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi membendung penularan cacar monyet (Mpx) di negara ini.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, memberi jaminan berkenaan biarpun maklum mengenai kaedah jangkitan Mpx.

Beliau berkata, pendekatan itu dibuat selepas mengambil kira tiada jangkitan Mpx direkodkan selepas menjalankan saringan ke atas 6.2 juta pengembara di semua pintu masuk negara, setakat ini.

Bagaimanapun katanya, masyarakat tidak boleh

mengambil mudah jangkitan Mpx dan perlu sentiasa berwaspada terhadap sebarang kemungkinan.

"Kita sudah keluar daripada (fasa) pandemik Covid-19, tetapi saya diterjah dengan kemungkinan (jangkitan) Mpx. Saya kerap diasak supaya meningkatkan prosedur operasi standard (SOP).

"Insyallah, Mpx tidaklah akan mengulangi waktu seperti PKP. Namun, saya juga mahu ingatkan supaya kita jangan terlalu selesa kerana kita tahu kaedah jangkitannya.

"Sehingga hari ini, Alhamdulillah kita masih belum merekodkan sebarang jangkitan daripada varian

terkini Mpx, kecuali sembilan kes dalam varian lama, "setakat November lalu," katanya ketika berucap merasmikan Sambutan Ulang Tahun Ke-20 Institut Latihan KKM Sungai Buloh semalam.

Hadir sama Ketua Setiausaha KKM, Datuk Seri Suriani Ahmad; Pengarah Jabatan Kesihatan Selangor, Dr Ummi Kalthom Shamsuddin dan Pengarah

ILKKM Sungai Buloh, Robert Wong Kim Han.

Sementara itu, Dr Dzulkefly pada sidang media berkata, KKM ketika ini sedang melaksanakan proses pemerolehan antiviral Mpx dengan golongan rentan akan diletakkan dalam senarai penerima utama.

"Kesiapsiagaan KKM membendung penularan Mpx berada di tahap terbaik. Justeru, orang ramai tidak perlu gusar dan cemas.

"Kita perlu wujudkan keseimbangan, tetapi jangan pernah ambil mudah mengenai penularan sebarang penyakit, sama ada berjangkit atau sebaliknya," katanya.

“
Jangan terlalu
selesa kerana
kita tahu kaedah
jangkitannya
Dr Dzulkefly

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NEGARA



DR. DZULKEFLY (tengah) pada sidang media selepas merasmikan Majlis Sambutan Ulang Tahun ke-20 ILKMM Sungai Buloh semalam.

PKP tidak dilaksanakan kecang mpox – Dr. Dzulkefly

SUNGAI BULOH – Kementerian Kesihatan (KKM) tidak bercadang melaksanakan sebarang sekatan termasuk Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk mengekang cacar monyet atau *monkeypox* (mpox) seperti era pandemik Covid-19.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, pihaknya telah mengambil langkah siap siaga dan telah menyaring lebih 6.2 juta pengembara yang masuk ke negara ini, tetapi kesemuanya negatif.

"Saya berharap situasi mpox di negara ini tidak dibandingkan dengan negara jiran, Singapura bagi mengelakkan suasana menggusarkan.

"Insya-Allah, mpox tidak

akan mengulangi waktu yang sangat kita elak seperti pandemik Covid-19 yang menjejaskan kehidupan seperti sebelum ini.

"Kami tidak bercadang untuk mengadakan PKP atau 'lockdown', tetapi saya ingin ingatkan semua jangan terlalu selesa dan sentiasa berjaga-jaga," katanya selepas merasmikan Majlis Sambutan Ulang Tahun ke-20 Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKMM) Sungai Buloh, di sini semalam.

Turut hadir Ketua Setiausaha KKM, Datuk Seri Suriani Ahmad, Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Selangor, Dr. Ummy Kalthom Shamsuddin.

Sehingga semalam, Singapura dilaporkan mencatatkan 15

kes mpox, manakala ketika ini kes mpox di Malaysia kekal sembilan kes yang direkodkan pada akhir tahun lepas.

Dzulkefly mengesahkan sehingga kini sebanyak 52 kes yang disyaki virus mpox telah didapati negatif dan kebanyakannya mereka dijangkiti cacar air.

"Kita telah membuat saringan di pintu-pintu masuk antarabangsa laut, udara dan darat. Alhamdulillah, setakat ini negara kita tidak merekodkan kes positif daripada mereka yang disyaki.

"KKM juga bersedia menyediakan anti viral kepada golongan rentan dan imuniti rendah sekiranya perlu bagi mengelak penularan virus mpox ini," katanya.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NEGARA

Kosmo! RABU 11 SEPTEMBER 2024

Negara! 7



KEDUDUKAN SK
Kampung Maju Jaya
dan Sungai Tebrau
yang terletak
bersebelahan.
- RAJA JAAFAR ALI

Oleh ZUBADAH IBRAHIM, MOHAMAD FAIZAL HASHIM, KHAIRUL MOHD. ALI dan RAJA JAAFAR ALI

Kronologi pencemaran di Johor Bahru

- Penduduk Kampung Melayu Pandan berasa loya dan pening kepala disebabkan pencemaran bau kimia yang turut menyebabkan sebuah tadika dan sekolah agama diarahkan tutup pada 3 September lalu.
- Pencemaran turut dilaporkan berlaku di tiga taman perumahan di Johor Bahru iaitu Taman Daya, Mount Austin dan Taman Istimewa.
- Pada 4 September lalu, pencemaran bahan kimia dikesan di Kampung Orang Asli Pasir Intan, dan kemudian dikesan di Kawasan Industri Desa Tropika, Johor Jaya.
- Terbaharu, pencemaran bahan kimia dikesan di Sungai Skudai, Skudai pada Ahad lalu.
- Episod pencemaran bau itu mendapat perhatian Menteri Besar Johor, Datuk Onn Hafiz Ghazi yang mengarahkan pihak berkuasa mengesan perkiranya sehingga ke lubang cacang.
- Kelmarin, pemandu lori, kelindan ditahan polis disyaki terlibat buang sisa kimia.
- Semalam, tiga sekolah berhampiran Sungai Skudai yang tercemar diarahkan tutup melibatkan Sekolah Kebangsaan Kampung Maju Jaya, Sekolah Rendah Islam Hidayah dan Sekolah Menengah Islam Hidayah.
- Kejadian ini mengulangi kebimbangan berulangnya insiden pencemaran Sungai Kim Kim, Pasir Gudang jejas kesihatan lebih 2,000 orang pada Mac 2019.
- Sembilan mangsa dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dalam kes Sungai Kim Kim.
- Insiden Sungai Kim Kim juga menyebabkan 111 buah sekolah di Pasir Gudang terpaksa ditutup.
- Pada 2021, Sungai Kim Kim kembali tercemar dengan tompokan minyak berbau,

143 mangsa terjejas, 3 sekolah ditutup, seorang murid dikejar ke HSA

Pencemaran makin teruk

JOHOR BAHRU – Beberapa siri pencemaran bahan kimia di daerah ini bertambah buruk selepas seorang pelajar perempuan tahun tiga Sekolah Kebangsaan (SK) Kampung Maju Jaya, di sini dimasukkan ke Hospital Sultanah Aminah (HSA), manakala 24 lagi murid dan tujuh guru diberikan rawatan di sekolah berkenaan semalam.

Ahli Jawatankuasa Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) sekolah itu, Zaini Kasirin berkata, murid tersebut telah dihantar ke hospital kerana sesak nafas akibat terhidu bau bahan kimia di Sungai Tebrau yang terletak bersebelahan sekolah.

"Pada pukul 12 malam (sebelum kejadian) sudah mula berbau kuat di Sungai Tebrau di sekitar Kampung Maju Jaya.

"Apabila saya hantar anak ke sekolah, bau semakin kuat me-



PENGAWAL keselamatan, Marsita Mustafa menutup pagar SK Kampung Maju Jaya, Johor Bahru yang ditutup akibat pencemaran semalam.

nyebabkan semua murid dan guru tidak selesa untuk belajar," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Kata Zaini, beliau turut bimbang dengan kejadian terbaharu itu seperti ulangan insiden pencemaran Sungai Kim Kim, Pa-

sir Gudang, di sini sehingga menjejaskan kesihatan lebih 2,000 orang awam pada Mac 2019.

Dalam pada pada itu, Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan dan Penerangan Johor, Aznan Tamin berkata, tiga buah sekolah termasuk dua sekolah swasta di daerah ini ditutup semalam disebabkan insiden pencemaran yang berlaku di kawasan Tebrau, di sini.

Katanya, sekolah terlibat adalah SK Kampung Maju Jaya, Sekolah Rendah Islam Hidayah dan Sekolah Menengah Islam Hidayah.

"Penutupan ini melibatkan seramai 974 murid dan 64 guru

SK Kampung Maju Jaya, 1,232 murid dan 92 guru di Sekolah Rendah Islam Hidayah, manakala 807 pelajar dan 75 guru di Sekolah Menengah Islam Hidayah.

"Ketiga-tiga sekolah ini akan melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) pada hari ini (semalam)," katanya dalam kenyataan semalam.

Di **Sungai Buloh**, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, pihak Kementerian Kesihatan (KKM) mengesahkan sebanyak 139 kes gejala ringan loya dan pening, manakala tiga individu dirawat di fasiliti kesihatan susulan insiden pencemaran bau di sekitar bandar raya Johor Bahru.

"Seorang wanita mengandungi turut diletakkan di bawah pemantauan KKM. Kesemua mangsa yang terjejas sudah dibenarkan pulang ke kediaman masing-masing," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Sambutan Ulang Tahun Ke-20 Institut Latihan KKM Sungai Buloh semalam.

Dr. Dzulkefly berkata, KKM sentiasa bersedia bekerjasama dengan agensi lain termasuklah Jabatan Alam Sekitar (JAS) untuk membantu menangani masalah pencemaran bau dan dalam apa jua kes bencana bagi membantu mangsa yang terjejas.



ZAINI melihat Sungai Tebrau yang dipercayai tercemar dengan bahan kimia di Kampung Maju Jaya, Johor Bahru semalam.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NASIONAL

TELLUS & TULLUS • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN

TELLUS & TULLUS
Sinar
Harian

NASIONAL 7
RABU 11 SEPTEMBER 2024 • SINAR HARIAN

Tiada PKP untuk kekang Mpox

KKM tiada cadangan laksana sebarang sekatan tangani penularan cacar monyet

SUNGAI BULOH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) tidak bercadang melaksanakan sebarang sekatan termasuk Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi mengekang penularan cacar monyet (Mpox) seperti dilakukan sewaktu jangkitan Covid-19, empat tahun lalu.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, keputusan itu dibuat selepas ujian saringan dijalankan terhadap 6.2 juta pengembara yang masuk ke negara ini mendapati kesemuanya negatif.

Beliau berharap situasi Mpox dalam negara tidak dibandingkan dengan negara jiran, Singapura bagi mengelakkan timbul suasana yang mengugurkan.

"Saya sebagai menteri kerap diasak untuk meningkatkan prosedur operasi standard (SOP). Insya-ALLAH, jangan risau tidak akan ada PKP seperti ketika era pandemik Covid-19.

"Namun, saya juga mahu ingatkan supaya kita jangan terlalu selesa kerana kita tahu transisi (jangkitan) virus ini," katanya ketika merasmikan Majlis Sambutan Ulang Tahun ke-20 Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKKM) di Sungai Buloh pada Selasa.

Turut hadir, Ketua Setiausaha KKM, Datuk Seri Suriani Ahmad; Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Selangor, Dr Ummi Kalthom Shamsuddin dan Pengarah ILKKM Sungai Buloh, Robert Wong Kim Han.

Setakat Isnin, Singapura dilaporkan mencatat 15 kes Mpox.

Sementara itu pada sidang akhbar, Dr Dzulkefly mengesahkan bahawa 52 kes disyaki virus Mpox adalah negatif.

"Ia termasuk melibatkan saringan di pintu masuk antarabangsa laut, udara dan darat. Sehingga hari ini alhamdulillah, kita tidak lagi mendapat satu kes positif daripada mereka yang kita syaki," katanya.

Beliau turut menjelaskan KKM sedang melaksanakan proses pemerolehan antiviral Mpox dan akan memberi keutamaan kepada golongan rentan serta imuniti rendah sekiranya perlu bagi mengelak penularan virus tersebut.

Dalam perkembangan lain, Dr Dzulkefly berkata, tiada pertindihan fungsi dalam senarai badan berkanun di bawah KKM.

"Badan berkanun tak banyak, kita ada beberapa agensi sahaja.

"Saya pasti kita tidak ada pertindihan termasuk dari sudut pentadbiran (tetapi) kalau ada kita akan ambil program rasionalisasi dan konsolidasi," katanya.



Dr Dzulkefly (tengah) merasmikan Majlis Sambutan Ulang Tahun ke-20 ILKKM di Sungai Buloh pada Selasa.

Sebelum ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, kerajaan menubuhkan Sekretariat Kajian Rasionalisasi Badan Berkanun Persekutuan bagi menangani isu pertindihan fungsi dan menjimatkan dana negara.

Selain itu, Anwar berkata, sekretariat tersebut juga akan memastikan tiada pegawai awam menggunakan jawatan disandang untuk melakukan perbuatan curang, selaras dengan usaha kerajaan melaksanakan reformasi perkhidmatan awam. - Bernama

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : DALAM NEGERI

Tidak perlu PKP bendung Mpox

SUNGAI BULOH: Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di negara ini tidak akan berulang lagi sekiranya terdapat kes wabak virus cacar monyet atau Mpox dikesan.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, sehingga kini tiada lagi kes positif Mpox baharu selepas sembilan kes direkodkan pada tahun lalu.

“Saya sebagai menteri kerap diasak untuk meningkatkan prosedur operasi standard (SOP). Insya-Allah Mpox tidak akan mengulangi waktu yang sangat kita elak, seperti kehidupan terjejas sebelum ini,” katanya ketika berucap pada ajlis Ulang Tahun Ke-20 Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia Sungai Buloh, semalam.

Bagaimanapun kata beliau, masyarakat tidak boleh mengambil mudah jangkitan Mpox dan perlu sentiasa berwaspada terhadap sebarang kemungkinan.

AKHBAR : THE STAR
 MUKA SURAT : 9
 RUANGAN : NATION

Sugary drinks take bitter hit

Higher tax on sweetened beverages on the table for Budget 2025

By BENJAMIN LEE
 benkh@thestar.com.my

SUNGAI BULOH: Those with sugar cravings will be hit in their pockets again, with a further hike to the sugar tax to be announced in Budget 2025, says the Health Minister.

Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad said this followed the success in reducing sugar consumption by 9.25% nationwide after a 10sen increase in the sugar-sweetened beverage (SSB) tax under Budget 2024, to 50sen per litre.

He said the second tax hike is a step up of the ministry's War on Sugar campaign to help contain non-communicable diseases among Malaysians.

"We see that the SSB has been effective in cutting down sugar

Run-up to



consumption in the country.

"With another increase in the tax, we hope to motivate more consumers and restaurants to be more conservative with sugar usage," he told a press conference after the 20th anniversary celebration of the ministry's training institute here yesterday.

The training institute, initially a training college, produced over 23,295 graduates through its multiple programmes since its expansion in 2004 by integrating six colleges.

Dzulkefly said the second sugar tax hike is also aimed at complementing the ministry's proposed introduction of a nutri-grade system for food and drinks, with an A to D grading given according to a product's sugar content.

He said an A-grade product would contain no sugar or artificial sweetener, while those categorised as B-grade will contain a negligible amount of sugar.

Almost 3.6 million Malaysians, or one in six adults (15.6%), are diabetic based on the National Health and Morbidity Survey 2023 results, released in May this year.

On concerns of another pandemic due to mpox, Dzulkefly ruled out any national lockdown as practised during the height of the Covid-19 outbreak.

He said the government would take all necessary measures to keep mpox out with strenuous health screening of international travellers entering the country, adding that over six million of them have been screened so far.

"Of these, 52 were suspected cases but they have since been cleared after tests showed negative results.

"There has not been a single positive case of mpox in the country," Dzulkefly said, calling for calm as some neighbouring countries begin to register cases.

WATCH THE VIDEO
 TheStarTV.com



AKHBAR : THE SUN
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NATIONAL

Follow food hygiene practices, canteen operators warned

■ BY NARMEETHA NADARAJAN
newsdesk@thesundaily.com

PETALINGJAYA: The Health Ministry has warned school canteen operators to strictly follow hygiene practices when handling food and comply with the requirements stipulated under the Food Hygiene Regulations 2009.

A ministry spokesperson told *theSun* that as of August, 7,430 cases of food poisoning in schools were reported compared with 7,214 in 2023, which was a slight decrease from the 7,266 cases recorded in 2022.

On Aug 14, 32 students from a boarding school in Kuala Nerus, Terengganu aged between 13 and 17 were reported to have experienced food poisoning after having dinner at the school canteen.

"Immediate action was taken and the operator involved was ordered to

➤ Prepared food left unrefrigerated for extended periods allow microorganism to breed and cause dishes to spoil: Expert

close from Aug 15 to 28 under the Prevention and Control of Infectious Diseases Act 1988 for cleaning, disinfection and further investigation," she said.

The spokesperson said the operator was also fined under Section 32B of the Food Hygiene Regulations 2009 for not complying with the requirement for equipment and utensils to be undamaged and kept clean.

"All school canteens and boarding school kitchens will be inspected once a year. However, inspections will be

conducted more frequently in the event of food poisoning, depending on the specific situation.

"We have provided guidelines under the Food Safety Programme Manual to prevent any food poisoning incidents. Canteen operators are also expected to adhere to the Food Hygiene Regulations 2009, that covers the receipt of raw materials, storage, handling, preparation and serving of food," she said.

Universiti Putra Malaysia Faculty of Food Science and Technology senior lecturer Dr Noor Azira Abdul

Mutalib said food poisoning can result from various causes, but it is often linked to time and temperature abuse.

"When the food is prepared too early and is left at room temperature for a long time, microorganisms may grow and cause the dishes to spoil. Canteen operators may have also used spoiled eggs or do not practise proper food hygiene measures, causing the food to be contaminated."

Noor Azirah said if the canteen operator fails to meet food safety standards, a Health Ministry officer appointed under the Food Act 1983 may order the premise closed for not more than 14 days.

If the matter is prosecuted in court, the operator faces imprisonment of up to five years, a fine or both.

She said in the event of food poisoning, the schools should inform parents and notify public health authorities about the case, while food vendors should immediately cease operations to prevent the situation from worsening.

"The balance food should be secured for further investigation while the canteen operator is required to cooperate with health authorities in their investigations."

Noor Azirah said while canteen operators may be offered raw materials at affordable prices, they should make right choices and not buy expired or contaminated ingredients.

"The school management should assign one person to be in charge of the canteen to oversee and monitor food safety and preparation practices," she added.

Noor Azirah said food vendors must ensure all employees have completed food safety training and received the typhoid vaccination to help curb contamination and the spread of food borne illnesses.

She said while schools have a role in educating students, parents should also teach their children to use their senses of sight, smell and taste before eating food to prevent poisoning.



Noor Azirah said if a food poisoning case is escalated to prosecution in court, the canteen operator faces imprisonment of up to five years, a fine or both. —BERNAMAPIC

Health Ministry rules out MCO amid mpox concerns

SUNGAI BULOH: The Health Ministry has no plans to implement restrictions such as the movement control order (MCO) to manage the spread of the monkeypox (mpox), as was done during the Covid-19 pandemic four years ago.

Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad said the decision was based on the results of screening tests conducted on 6.2 million travellers entering the country, all of which tested negative for mpox.

He also expressed hope that the mpox situation in Malaysia would not be compared with that of neighboring Singapore, to prevent unnecessary panic.

"As a minister, I often face pressure to enhance standard

operating procedures. God willing, there is no need to worry as there will not be an MCO like during the Covid-19 pandemic," he said during the 20th anniversary celebration of the Health Ministry Training Institute yesterday. —Bernama